



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 1 NOVEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAQIS GAGALKAN CUBAAN SELUDUP 319KG IKAN TANPA PERMIT SAH, NEGARA, KOSMO -10	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
2.	DUA LELAKI TERJUN LAUT ELAK DIBERKAS, NEGARA, KOSMO -8	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	PASCA PKP: BERALIH ARAH BIDANG PERTANIAN, DALAM NEGERI, UM -38	LAIN-LAIN
4.	PULIH TANAH TERBIAR, XPRESI, METRO AHAD -35	
5.	ESTET IKAN TAMBAH PENDAPATAN, XPRESI, METRO AHAD -36	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/11/2020	KOSMO	NEGARA	10



PEGAWAI Maqis Perlis memeriksa sebahagian ikan yang cuba diseludup ke negara ini tanpa permit sah di Pelantar Import Eksport, Kompleks LKIM Kuala Perlis kelmarin.

Maqis gagalkan cubaan seludup 319 kg ikan tanpa permit sah

Oleh NUR NAZLINA NADZARI

KANGAR – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Perlis merampas sebanyak 319 kilogram (kg) ikan yang cuba diseludup masuk ke negara ini tanpa permit sah.

Rampasan itu dibuat di Pelantar Import Eksport, Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kuala Perlis di sini kelmarin.

Pengarah Maqis Perlis, Mohamad Arshad Raffin berkata, rampasan dilakukan selepas pihaknya menahan sebuah bot bersama empat awak-awak yang menyeludup barang dagangan tersebut.

Hasil pemeriksaan, pihak berkuasa menemui beberapa



rampasan dilakukan selepas pihaknya menahan sebuah bot bersama empat awak-awak yang menyeludup barang dagangan tersebut.”

MOHAMAD ARSHAD RAFFIN

jenis ikan segar antaranya delah, sebelah dan merah yang tidak memiliki permit import.

Ikan-ikan tersebut diletakkan bercampur bersama ikan segar lain yang telah diisytiharkan.

“Perbuatan mengimport tanpa permit sah akan disiasat di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Ma-

laysia 2011.

“Kesalahan itu memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara maksimum enam tahun atau kedua-duanya,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Sementara itu, Mohamad Arshad memberitahu, Maqis sentiasa memastikan setiap keluaran pertanian yang memasuki negara ini sama ada melalui laluan darat, laut mahupun udara mematuhi syarat serta peraturan yang ditetapkan.

“Ia bertujuan bagi memantau dan memeriksa setiap keluaran pertanian serta memastikan setiap tumbuhan, haiwan dan ikan yang diimport ke negara ini bebas ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar,” ujarnya.



ANTARA barangan yang dirampas PPM Kota Kinabalu dalam Ops Benteng di Pulau Gaya kelmarin.

Dua lelaki terjun laut elak diberkas

KOTA KINABALU – Dua lelaki nekad terjun ke laut sebelum melarikan diri ke kawasan belukar berhampiran bagi mengelak ditahan Pasukan Polis Marin (PPM) dalam kejadian di laut Tanjung Logong, Pulau Gaya malam kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira pukul 10 malam itu, dua lelaki tersebut bertindak demikian selepas menyedari aktiviti mengebom ikan yang dilakukan mereka dihidu pihak berkuasa.

Pegawai Pemerintah Markas Operasi PPM Kota Kinabalu, Asisten Superintendan Enturan Anak Lagueh berkata, sebelum itu, sepasukannya yang terlibat dalam Ops Benteng mengesan sebuah bot pam dalam keadaan mencurigakan di lokasi berkenaan.

"Semasa pasukan PPM menghampiri dan mengarahkan mereka untuk berhenti, tekong bot bertindak memecut

menghala ke pesisir pantai Tanjung Logong.

"Dua lelaki berada di dalam bot pam itu kemudian dilihat terjun ke laut sebelum melarikan diri ke dalam belukar berhampiran," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Enturan memberitahu, pemeriksaan ke atas bot tersebut menemui beberapa peralatan yang digunakan dalam aktiviti pengeboman ikan.

Antara barangan yang dirampas termasuklah enjin pam, dua botol plastik dipercayai berisi baja amonia.

"Turut ditemui dua bahan peledak (detonator), topeng dan lima kilogram ikan pelbagai jenis," katanya.

Kesemua rampasan dibawa ke Pangkalan Markas Operasi PPM Kota Kinabalu di sini untuk tindakan selanjutnya.

Kes disiasat mengikut Seksyen Akta Perikanan 1985.

1/11/2020

UTUSAN

DALAM

38

MALAYSIA

NEGERI

Pasca PKP: Beralih arah bidang pertanian



MD. Khairul Faiz Mustafa kini beralih kepada bidang pertanian setelah pekerjaan sebagai peniaga burger rugi akibat pandemik Covid-19. - MINGGUAN/MUHAMMAD ZIKRI

PONTIAN: Pandemik Covid-19 yang melanda dunia termasuk Malaysia telah -menyebabkan ramai rakyat hilang pekerjaan dan sumber pendapatan selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Namun, perkara itu tidak menghalang seorang peniaga, Md. Khairul Faiz Mustafa, 36, yang beralih ke bidang lain iaitu pertanian demi menyara keluarga dan menampung kehidupan seharian termasuk perbelanjaan empat anak yang masih bersekolah.

Dia sebelum ini pernah menjual burger pada waktu malam, sebaliknya PKP telah menyebabkannya hilang sumber pendapatan kira-kira RM6,000 selama tiga bulan.

Katanya, dalam tempoh tersebut, beliau menggunakan wang simpanan untuk menam-

ping perbelanjaan seharian selain berusaha mencari sumber pendapatan dalam bidang lain.

"Setelah meneliti dan mengenal pasti bidang yang sesuai, sebagai ahli peladang Unit Batu 26 Pekan Nanas, saya mengambil keputusan untuk menanam serai dan pisang tanduk sebagai pendapatan tambahan.

"Saya menyewa sebidang tanah seluas dua ekar milik Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Pekan Nanas di Kampung Bakar Arang untuk melaksanakan projek tersebut," katanya kepada *Mingguan Malaysia* baru-baru ini.

Tambah Md. Khairul, dia membelanjakan kira-kira RM20,000 iaitu daripada wang simpanan sendiri bagi tujuan kerja-kerja pembersihan, penyediaan tapak dan membeli anak-anak benih pokok serai dan pisang tanduk.

"Sebanyak 4,000 serai dan

1,000 pokok pisang tanduk telah ditanam manakala pokok serai akan dituai pada bulan depan dan pisang tanduk masih dalam proses pembesaran.

"Saya masih lagi menjalankan perniagaan burger pada waktu malam dan ini diibaratkan 'sediakan payung sebelum hujan' sekiranya PKP dilaksanakan semula pada masa akan datang," ujarnya.

Katanya lagi, ketika memulakan kerja-kerja ini, tanah tersebut merupakan kawasan belukar dan banyak pokok-pokok namun hanya ketabahan dan kecekalan menjadi dorongan untuk terus berusaha.

"Selain cabaran haiwan liar iaitu babi hutan dan monyet yang menjadikan tanaman yang baru ditanam seperti pokok pisang sebagai sasaran untuk menandatangani makanan," ujarnya.

PULIH TANAH TERBIAR

Projek KEDA babitkan 1,084 pesawah beri peningkatan jualan padi dan beras sebanyak RM4.3j

AGRO

Oleh Noorazura Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

Kuala Muda: Usaha Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) memulihkan tanah dan sawah terbiar di negeri ini semakin berhasil apabila berjaya membantu meningkatkan pendapatan petani yang menyertai projek terbabit.

Antara lokasi projek pemuliharaan itu adalah di Kampung Sungai Pial, Tanjung Dawai memabatkan 14 peserta yang diberi kepercayaan mengusahakan 27.5 hektar sawah terbiar sejak 2018.

Pengurus Besar KEDA, Kamarudin Abd Akib berkata, projek pemuliharaan di kampung itu sebahagian daripada 457 hektar tanah terbiar yang sudah diusahakan 1,084 pesawah luar bandar di beberapa daerah di Kedah.

Katanya, hasil analisis menunjukkan projek memabatkan 1,084 pesawah di daerah Baling, Sik, Pendang, Pokok Sena, Kuala Muda dan Padang Terap itu memberi peningkatan hasil jualan padi dan beras sebanyak RM4.3 juta.

"Menertisi projek di Sungai Pial, KEDA memperuntukkan RM60,000 sebagai bantuan membaik pulih jalan pertanian, membaik pulih perparitan, input tanaman padi termasuk menyediakan 25 tan kapur bagi membantu proses pemuliharaan tanah.

"Usaha KEDA berjaya meningkatkan pendapatan peserta selepas lima musim mengusahakan

tanah terbiar, ia juga mewujudkan peluang pekerjaan kepada anak muda selain menambah pengeluaran padi negeri Jelapang Padi ini," katanya ketika mengadakan lawatan kerja ke Kampung Sungai Pial, baru-baru ini.

Kamarudin berkata, pihaknya mendapati rata-rata petani memperoleh pendapatan setimpal hasil kerja mereka, malah ada yang kini mampu membeli jentera sendiri hasil daripada jualan padi.

Sementara itu, bagi bekas juruteknik kilang, Rostamizi Ahmad, 37, berkata dia bersyukur dipilih menjadi peserta projek itu apabila pendapatannya meningkat sehingga RM30,000 semusim berbanding hanya RM15,000 hingga RM20,000 sebelum ini.

Katanya, dia yang mengusahakan 6.6 hektar sawah turut mampu membeli jentera sendiri bagi membantu membajak sawah diusahakan.

"Selama ini sawah di sini tidak dapat diusahakan kerana air laut sering



ROSTAMIZI

masuk ke dalam sawah kerana sistem perparitan tidak sempurna.

"Selepas KEDA membaik pulih perparitan di sini, pokok padi tumbuh dan keluaran hasil lebih baik, sekali gus meningkatkan pendapatan saya setiap musim hasil pengurusan pertanian lebih sistematik," kata bapa kepada empat anak ini.

Che Ani Ahmad, 62, pula berkata KEDA antara agensi kerajaan yang sangat membantu penduduk kampung berkenaan bagi mengusahakan tanah terbiar sejak sekian lama.

Katanya, dia kini mampu memperoleh



CHE ANI

pendapatan kira-kira RM3,600 semusim hasil dua hektar sawah diusahakan.

"Dahulu kawasan ini tidak boleh diusahakan kerana tahap asid tanah terlalu tinggi akibat air laut masuk, bagaimanapun hasil kapur disediakan KEDA berjaya membantu memulihkan tanah di sini.

"Ia menambah pendapatan saya selepas lebih 40 tahun menjadi pesawah, saya berharap lebih banyak projek seperti ini akan dilakukan berikutan ia turut memberi peluang pekerjaan kepada anak muda," katanya.



SHUKRI

Seorang lagi peserta, Shukri-Abidin, 52, berkata di bawah projek itu dia dipilih mengusahakan hampir dua hektar sawah dengan cara menyewanya daripada pemilik tanah.

"Dahulu hasil padi bagi setiap empat relung atau 1.16 hektar sawah di sini hanyalah empat tan atau RM2,000, tetapi kini saya sudah boleh dapat sehingga enam tan atau kira-kira RM4,000.

"Kehidupan keluarga juga banyak berubah dan masa hadapan anak lebih terjamin selepas saya menyertai projek ini pada 2018," katanya.



Usaha KEDA berjaya meningkatkan pendapatan peserta selepas lima musim mengusahakan tanah terbiar, ia juga mewujudkan peluang pekerjaan kepada anak muda selain menambah pengeluaran padi negeri Jelapang Padi ini

KAMARUDIN



KAMARUDIN (kanan) bersama pesawah ketika meninjau keadaan sawah yang dibaik pulih di Kampung Sungai Pial.



KAMARUDIN (dua dari kanan) bersama pesawah.

PROJEK pemuliharaan tanah di di Kampung Bual, Pokok Sena.

TANAH terbiar yang berjaya dipulihkan KEDA di Kampung Teluk Perah, Baling.



ESTET IKAN TAMBAH PENDAPATAN

Selain sebagai pusat pemuliharaan ikan air tawar ia juga boleh dijadikan lokasi agro pelancongan

AGRO

Oleh Abnor Hamizam Abd Manap
rencanaa@metro.com.my

Jabatan Perikanan Negeri Sembilan sudah memulakan dua projek pembangunan estet ikan di Tobek Godang, Sri Menanti, Kuala Pilah dan Kampung Kuala Pah, Kuala Klawang, Jelebu.

Tobek Godang adalah kolam ikan berkeluasan 5.2 hektar di Kampung Sikat, Kuala Pilah manakala di Kampung Kuala Pah adalah bekas lombong tinggal dipercayal ketika era penjajahan British.

Uniknya, Tobek Godang yang bermaksud kolam besar dibina menggunakan tenaga manusia dan peralatan tradisional dipercayal sudah berusia lebih 100 tahun.

Masyarakat dahulu membina kolam besar berkenaan secara gotong-royong dan pada awalnya dibina untuk kegunaan penduduk memelihara ikan di samping menjadi kolam takungan air.

Malah Tobek Godang pernah dilawati Tun Abd Razak Hussein pada 1967 yang ketika itu Timbalan

Perdana Menteri Malaysia sempena rancangan Projek Pembangunan Daerah Negeri Sembilan.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian Dan Industri Makanan Negeri Sembilan, Bakri Sawir berkata, Tobek Godang adalah estet ikan pertama manakala lombong tinggal seluas 1.6 hektar di Kampung Kuala Pah menjadi lokasi kedua projek estet ikan di negeri ini.

Katanya Tobek Godang satu-satunya estet ikan yang hampir serupa dengan estet ikan yang popular di Temerloh, Pahang.

"Tobek Godang sesuai dijadikan lokasi 'mengoca' ikan berikutan terdapat kunci air yang boleh mengawal paras air dan bagi lombong tinggal pula ia sesuai dengan aktiviti memancing serta menjaring.

"Biarpun berlainan kaedah menangkap ikan, kewujudan estet ini mampu menghasilkan pelbagai spesies ikan air tawar seterusnya menambah pendapatan komuniti setempat.

"Estet ikan ini juga dapat menjadi pusat pemuliharaan dan



ANAK ikan dilepaskan ke dalam Tobek Godang.

menambah simpanan ikan air tawar selain boleh dijadikan lokasi agropelancongan," katanya ditemui pada program pelepasan ikan ke perairan umum di estet ikan Kampung Kuala Pah, baru-baru ini.

Hadir sama Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan Halimi Abu Hanip.

Bakri berkata, Jabatan Perikanan sudah melepaskan pelbagai spesies ikan sebelum pelbagai aktiviti seperti 'mengoca', memancing dan menjaring dijalankan di estet berkenaan selepas satu atau dua tahun.

Ahli Dewan Undangan Negeri Klawang itu berkata, komuniti setempat di harap dapat menjaga estet ikan dengan baik dan memastikan tiada aktiviti menangkap ikan secara salah seperti menuba dan renjatan elektrik.

Katanya, bagi mengatasi masalah itu jabatan perlu melakukan pemantauan



BAKRI (dua dari kanan) melepaskan ikan ke dalam lombong terbitir di Kampung Kuala Pah.



SANTARA pelbagai ikan di dalam lombong terbitir di Kampung Kuala Pah.

TOBEK Godang estet ikan pertama di Negeri Sembilan.



LOMBONG terbitir di Kampung Kuala Pah dijadikan estet ikan kedua di Negeri Sembilan.

selain penduduk yang mengetahui kegiatan itu turut melaporkannya kepada pihak berkuasa.

Sementara itu, Halimi berkata, sebanyak 35,000 anak ikan lampang sungai, baung dan patin sudah dilepaskan ke dalam Tobek Godang menerusi dua program.

Katanya, di lombong tinggal itu pula sebanyak 80,000 anak ikan lampang sungai, baung, keraf kunyit dan galah sudah dilepaskan sejak tahun lalu.

"Kita akan mengadakan kembali pesta 'mengoca' di Tobek Godang kerana ia pernah diadakan pada satu masa dahulu dan berhasrat mengadakan kembali pesta 'mengoca' berkenaan," katanya.